

24 SEP 2001

Mahathir-Pembangkok

PEMBANGKOK WUJUD BARISAN TIRUAN UNTUK TIPU RAKYAT, KATA DR M

SIBU, 24 Sept (Bernama) -- Pembangkang mewujudkan barisan tiruan di kalangan mereka untuk menipu rakyat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata parti pembangkang tidak ikhlas seperti Barisan Nasional (BN) yang mewakili kepentingan semua kaum di negara ini.

"Mereka hanya geng penipu, mereka bukan sahaja tipu rakyat tetapi mereka juga nak menipu rakan-rakan mereka dalam pembangkang, PAS tipu DAP, DAP tipu PAS, DAP tipu Keadilan, Keadilan tipu PRM," katanya semasa berucap di majlis pemimpin bersama rakyat di Lapangan Terbang Sibu petang ini.

Perdana Menteri juga berkata rakyat tidak harus percaya pada mereka memandangkan pembangkang tidak mampu menubuhkan kerajaan.

"Sebaliknya BN di peringkat pusat dan negeri mampu membawa banyak perubahan kepada negara kita," katanya.

Perdana Menteri yang melahirkan kegembiraannya kerana dapat berjumpa dengan penduduk di Sibu berkata, konsep BN mengutamakan kerjasama antara pelbagai parti dalam perikatan serta masyarakat berbilang kaum.

"Dengan cara ini, kita dapat menjalankan pembangunan yang pesat di seluruh negara," dan menambah kata kerjasama sebegini cuba ditiru oleh parti pembangkang di negara ini.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir turut mengumumkan landasan lapangan terbang Sibu akan dipanjangkan daripada 7,000 kaki sekarang kepada 9,000 kaki bagi membolehkan pesawat yang lebih besar mendarat.

"Sila tanya parti lawan yang letak calon mereka, sama ada mereka mampu panjangan landasan Lapangan Terbang Sibu ini," tanya beliau disambut dengan tepukan gemuruh daripada orang ramai yang hadir.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan dan harapannya yang pengundi di Sarawak akan memilih BN pada hari pengundian Khamis ini.

"Saya harap tuan-tuan dan puan-puan tidak akan memberikan satupun undi kepada mereka (pembangkang) kerana setiap undi kepada mereka adalah sia-sia sahaja dan kita pun tidak akan dapat apa-apa daripada mereka," katanya.

Dr Mahathir juga berkata sekiranya rakyat Sarawak mengundi BN, kerajaan akan membalas balik dengan merencanakan lagi pembangunan di negeri ini.

"Janji kita bukan janji kosong, kalau boleh kita akan tambah peruntukan," katanya.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat telah menyediakan Wang Khas sebanyak RM50 juta untuk negeri Sarawak mengatasi kesan daripada kemelesetan ekonomi Amerika Syarikat.

"Jika diperlukan bagi projek-projek tertentu, kita akan tambah peruntukan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata tujuan pilihanraya diadakan setiap lima tahun sekali adalah untuk memastikan wakil rakyat yang dilantik berusaha gigih untuk rakyat.

"Setiap lima tahun, kita beri peluang pada rakyat untuk memilih dan sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan wakil mereka, mereka boleh memilih orang lain," dan menambah kata wakil rakyat BN sentiasa memperjuangkan kepentingan rakyat.

Dr Mahathir berharap pengundi di Sarawak tidak berfikir panjang untuk menolak calon parti lawan dan memilih calon BN dalam pada hari pengundian Khamis ini.

-- BERNAMA

AT PR

